

Demokrasi kita untuk negara majmuk: PM.

# Tiada yang hendak dimalukan

31 MAR 1985

**KUALA LUMPUR, Sabtu** — Perdana Menteri hari ini menegaskan bahawa rakyat tidak seharusnya merasa terhina dan bersalah (apologetic) kerana sistem demokrasi negara ini berbeza daripada yang diamalkan di negara-negara lain.

"Yang penting ialah sistem ini memberi pilihan kepada rakyat memilih kerajaan dan kerajaan itu tidak diberi hak memerintah secara diktator," kata **Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad**.

Menurut beliau, tafsiran demokrasi tidak sama antara sebuah negara dan negara lain kerana ada negara menggelar dirinya demokratik tetapi mengamalkan sistem autokratik.

"Sebenarnya tidak ada demokrasi yang unggul yang tiada cacat di dunia ini. Semua demokrasi, di Timur atau Barat, di negara maju atau negara membangun, ada cacatnya," tambah beliau.

Berucap merasmikan perayaan 25 tahun Parlimen Malaysia di sini, beliau menegaskan, tidak ada sesiapa di dunia ini boleh berkata pilihanraya di Malaysia tidak bebas.

"Ia bebas dan tidak pernah berlaku parti kerajaan memenangi 100 peratus kerusi yang dipertandingkan. Parti pembangkang tetap mendapat tempat. Jika bilangan mereka kecil, itu adalah keputusan rakyat.

"Malaysia ialah sebuah negara demokratik dengan sistem demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan. Kita bangga dengan sistem yang kita amalkan ini," tegasnya.

Walaupun kebebasan yang dinikmati oleh rakyat negara ini tidak mutlak dan tertakluk kepada sekatan-sekatan tertentu, sekatan itu tidak pula dikenakan dengan sewenang-wenangnya.

Beliau berkata, sekatan-sekatan itu dibuat berdasarkan kehendak rakyat melalui Parlimen dan perlu diadakan oleh kerajaan, terutama dalam masyarakat

kat majmuk negara ini.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, peristiwa 13 Mei 1969 adalah tragedi sejarah yang mendukacitakan dan mencabar keutuhan sistem demokrasi berparlimen di negara ini.

"Berpandukan kepada pengalaman itu, kita insaf bahawa kebebasan yang tidak terhad tidak mungkin diamalkan dalam masyarakat majmuk di negara ini.

Menurut Perdana Menteri, perbincangan-perbincangan yang tidak terhad, tuduhan dan provokasi pihak yang tidak bertanggungjawab akan hanya menyemarakkan api perkauman dan mencetuskan ketegangan di kalangan masyarakat.

Beliau berharap semua pihak, terutama generasi muda, supaya sedar sekatan-sekatan itu dan sebab ia diadakan supaya mereka tidak mudah diputarbelit oleh golongan yang sentiasa mengambil kesempatan mengukur kebebasan yang diamalkan di negara ini dengan negara-negara lain.

## Sentiasa ambil kesempatan

Beliau menegaskan, demokrasi dibentuk untuk kepentingan manusia dan bukan manusia yang dibentuk untuk kepentingan demokrasi.

Dengan itu, katanya, walaupun demokrasi memberi kebebasan kepada rakyat, kebebasan itu tidaklah sehingga boleh memusnahkan rakyat dan sistem itu sendiri.

"Sebab itulah parti komunis tidak dibenarkan di negara ini," tambah beliau.

Menurut Perdana Menteri, parti komunis hanya berhasrat menggunakan demokrasi untuk mendapat kuasa bagi menghapuskan sistem itu.

"Tindakan mengharam parti komunis pada permukaannya adalah tidak demokratik tetapi tujuannya ialah untuk memelihara demokrasi.

"Begitu juga dengan tindakan-tindakan lain yang sepintas laju adalah penafian terhadap demokrasi tetapi sebenarnya dalam jangka panjang bertujuan memelihara demokrasi," tambahnya.